

**Jumlah Lokaliti Di Selangor Kurang Kerana Proses 'Belah Bahagi' - SPR
Bernama
8 Oktober, 2012**

PUTRAJAYA, 8 Okt (Bernama) -- Jumlah lokaliti di Selangor berkurangan dari 24,479 kepada 13,813 adalah disebabkan negeri itu pernah terlibat dalam proses 'Belah Bahagi' iaitu pada Jun 2009 dan 2010.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata statistik itu berdasarkan perbandingan antara Daftar Pemilih Induk 2007 dan Daftar Pemilih yang terkini.

"Kalau dahulu setiap blok rumah pangsa dikira satu lokaliti tetapi sekarang ada beberapa blok rumah pangsa di sesetengah kawasan itu telah digabungkan menjadi satu lokaliti," katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

Beliau memberi contoh itu sebagai menjawab isu yang dilaporkan dalam akhbar Suara Keadilan bertarikh 2 Okt 2012 bertajuk 'Audit Sahkan SPR Menipu - Anwar'.

Mengulas satu lagi isu yang dibangkit oleh Ketua Pembangkang itu bahawa ada 5.5 juta pemilih bermasalah dan meragukan kerana tidak memiliki alamat penuh dan sebagainya, Abdul Aziz berkata sebelum 16 Julai 2002, urusan pendaftaran pemilih dijalankan secara bermusim.

"Pada masa itu seorang warganegara mencapai umur 21 tahun boleh memberi mana-mana alamat di dalam sesuatu bahagian pilihan raya kepada SPR dengan pengakuan bahawa mereka memang menetap di alamat tersebut, memandangkan SPR tidak ada kemudahan dan keupayaan untuk menentukan kesahihan alamat yang diberikan oleh seseorang pemohon itu," katanya.

Tetapi kata Abdul Aziz, selepas tarikh itu pangkalan data pemilih SPR dihubung terus dengan Sistem Perkongsian Maklumat Antara Agensi (ALIS), sekali gus membolehkan SPR menetapkan seseorang pemilih didaftarkan berasaskan alamat lengkap dalam kad pengenalan pemohon dan didatangkan dalam rekod pemilih.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700481>